Silwayrani a/p Muniandy lwn Chee Mayu Loong & Anor lwn Subramaniam a/l Sinnasamy

MAHKAMAH TINGGI (JOHOR BAHRU) — RAYUAN SIVIL NO MT(4) 12–7 TAHUN 2007 DAN MT(1) 12–11 TAHUN 2007
KAMARDIN HASHIM PK
1 DECEMBER 2009

Tort — Kecuaian — Kemalangan jalan raya — Liabiliti — Kemalangan maut — Sama ada pihak ketiga menyumbang kepada kemalangan — Sama ada faktor jalan licin akibat hujan dan tumpahan sabun atas jalan menyumbang kepada kemalangan — Sama ada liabiliti 100% ke atas defendan — Sama ada terdapat kecuaian pada si mati — Sama ada tuntutan pihak ketiga wajar

Seorang pemandu teksi bernama Gunasekaran ('si mati') telah mati akibat daripada satu kemalangan jalanraya yang berpunca daripada kejadian di mana motolori yang dipandu oleh pihak ketiga telah terbabas lalu terbalik dan melanggar tiang lampu di tepi jalan akibat selekoh yang tajam serta keadaan jalan raya yang licin akibat hujan lebat. Si mati dan seorang lagi telah membantu mengeluarkan pihak ketiga yang tersepit dalam motolori tersebut. Mereka juga telah membantu pihak ketiga mengutip barangannya yang bertaburan di atas jalanraya. Ketika itu, sebuah motokar yang dipandu oleh defendan pertama dan dimiliki oleh defendan kedua telah melanggar si mati dan pihak ketiga. Si mati telah mati akibat rempuhan tersebut. Balu kepada si mati ('plaintif') telah memulakan tindakan ini menuntut ganti rugi bagi kematian si mati. Motolori pihak ketiga pada waktu itu sedang membawa muatan kotak-kotak yang berisi sabun. Mahkamah mendapati terdapat kemungkinan bahawa muatan sabun itu telah tumpah di permukaan jalan oleh kerana menurut defendan pertama terdapat bahan berwarna putih di atas permukaan jalan dan keadaan jalan yang licin. Pihak ketiga menyatakan bahawa keseluruhan motolorinya berada di atas rumput setelah terbalik manakala defendan pertama menyatakan sebahagian motolori tersebut berada di atas jalan raya menghalang laluan beliau. Defendan pertama juga menyatakan bahawa terdapat tiang lampu yang jatuh ke atas jalan raya akibat dirempuh oleh motolori pihak ketiga. Tiang lampu dan kotak-kotak sabun di atas jalan raya dikatakan oleh defendan pertama telah menghalang laluannya sehingga dia terpaksa mengelak lalu terlanggar si mati. Hakim mahkamah sesyen ('HMS') telah memutuskan, antara lain, seperti berikut: (i) liabiliti dibahagikan sama rata antara plaintif dan pihak ketiga iaitu 50:50; dan (ii) tuntutan defendan terhadap pihak ketiga ditolak dengan kos. Plaintif merayu, antara lain, atas isu liabiliti 50/50. Plaintif merayu agar liabiliti atas pihak

ketiga diputuskan pada kadar 100%. Defendan-defendan pula telah merayu terhadap keputusan HMS menolak tuntutan terhadap pihak ketiga.

Diputuskan, membenarkan rayuan plaintif dan defendan-defendan atas isu liabiliti:

(1) HMS telah terkhilaf apabila memutuskan tiada kecuaian langsung pada pihak ketiga. Tiang lampu telah tumbang akibat dirempuh oleh motolori pihak ketiga sehingga menghalang laluan sah motokar defendan pertama ditambah dengan kehadiran kotak-kotak sabun yang tumpah dari motolori serta keadaan jalan yang licin ekoran terdapat sabun di atas permukaan jalan. Faktor-faktor ini sudah cukup untuk menyumbang kepada punca kemalangan tersebut dan mengenakan liabiliti kepada pihak ketiga. Walaupun kemalangan kedua itu berlaku selang tujuh minit selepas motolori pihak ketiga terbalik, kemalangan kedua tersebut berkait rapat dengan kemalangan pertama yang melibatkan motolori yang terbalik dan mewujudkan halangan di atas jalan raya (lihat perenggan 26 & 29).

(2) HMS telah terkhilaf apabila memutuskan defendan pertama cuai oleh kerana kenderaan lain yang melalui kawasan kemalangan itu tidak terlibat dalam apa-apa kemalangan. Ini satu kesimpulan spekulasi semata-mata dan tidak didasarkan kepada keterangan yang kukuh (lihat perenggan 33).

(3) Pihak ketiga juga telah gagal untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya selepas motolorinya terbalik seperti meletakkan segi tiga dan kon tanda amaran kepada kenderaan yang menghampiri tempat kemalangan itu (lihat perenggan 35).

(4) HMS gagal mengambil kira faktor bahawa jalan licin kerana hujan dan ditambah kehadiran kotak-kotak sabun di atas jalan. Tidak hairanlah sekiranya motokar defendan pertama berpusing beberapa kali apabila beliau menekan brek sebaik sahaja melihat benda di hadapan dan pada masa yang sama memutar stering ke sebelah kanan dalam usaha untuk mengelak daripada benda tersebut (lihat perenggan 37).

(5) HMS telah memutuskan si mati cuai setakat 50% kerana berada di atas jalan raya berpandukan fakta bahawa mayat si mati berada di atas jalan raya. HMS telah gagal menimbangkan keterangan yang menunjukkan bahawa pada waktu perlanggaran itu berlaku, si mati berada di tepi jalan dan bukan di tengah jalan. HMS juga gagal menimbangkan fakta bahawa motokar defendan pertama telah berpusing-pusing sehingga terbabas dan melanggar si mati di tepi jalan. Oleh itu tiada kecuaian oleh si mati. Oleh itu liabiliti dibahagikan 70% atas defendan-defendan dan 30% sumbang cuai oleh pihak ketiga (lihat perenggan 39).

[English summary

A taxi driver named Gunasekaran ('deceased') died as a result of a road traffic accident which arose from an incident where a lorry driven by a third party had skidded and overturned and hit a lamp post at the road side because of a sharp corner and slippery road caused by heavy rain. The deceased and another person had assisted to pull the third party who was clamped in the lorry. They had also helped the third party to collect all his goods which had scattered on the road. At that time a car driven by the first defendan and owned by the second defendant hit the deceased and the third party. The deceased died of the crash. The widow of the deceased ('plaintiff') commenced the action claiming for damages for the death of the deceased. The third party's lorry at that time was carrying load of boxes containing soap. The court found that there was a possibility that the load of soap had fallen onto the surface of the road as according to the first defendant there were white substance on the surface of the road and the condition of the road was slippery. The third party said that the lorry was on the grass after it had overturned, whereas the first defendant stated that part of the lorry was on the road obstructing his right of way. The first defendant also stated that there was a fallen lamp post on the road hit by the third party's lorry. The lamp post and the soap boxes on the road, as stated by the first defendant, had obstructed his right of way that he had to avoid it hence colliding into the deceased. The sessions court judge ('SCJ') had decided, inter alia, as follows: (i) the liability be equally divided between the plaintiff and the third party ie 50:50; and (ii) the claim of the defendants against the third party dismissed with costs. The plaintiff appealed, inter alia, on the issue of liability of 50:50. The plaintiff appealed so that the liability on the third party be determined on 100%. On the other hand, the defendants appealed against the decision of the SCJ dismissing their claim against the third party.

Held, allowing the plaintiff's and the defendants' appeal on liability:

(1) The SCJ had erred when he decided that there was no negligence at all on the part of the third party. The lamp post had fallen because it was hit by the third party's lorry to the extent of obstructing the lawful path of the first defendant and added with the presence of the soap boxes which had spilled from the lorry and the condition of the road which was slippery as there was soap on the road surface. These factors alone were sufficient to contribute to the cause of the accident and impose liability on the third party. Although the second accident occurred seven minutes after the lorry had overturned, the second accident was closely connected to the first accident which involved the lorry which had overturned and created obstruction on the road (see paras 26 & 29).

(2) The SCJ had erred when he decided that it was the first defendant who was negligent, as the other vehicles passing by the area of the accident were not involved in any accident. This was merely a speculated conclusion and was not based on concrete evidence (see para 33).

(3) The third party had also failed to take the appropriate steps after his lorry had overturned such as putting up the triangle and the cone as a warning sign to the oncoming vehicles along the accident area (see para 35).

(4) The SCJ had failed to take into account the factors that the road was slippery because of rain added with the presence of the soap boxes on the road. It was not surprising if the first defendant's car had rotated a few times when he applied the brake as soon as he saw something in front of him and at the same time turned the steering-wheel to the right in his effort to avoid from that substance (see para 37).

(5) The SCJ had decided that the deceased was 50% negligent for being present on the road based on the fact that the body of the deceased was on the road. The SCJ had failed to consider the evidence which showed that at the time of the accident, the deceased was at the side of the road and not at the middle of the road. The SCJ also had failed to consider the facts that the first defendant's car had rotated until it had swerved and knocked down the deceased at the side of the road. Thus there was no negligence by the deceased. Therefore the liability was apportioned to 70% by the defendant and 30% contributory negligence by the third party (see para 39).]

Nota-nota

Untuk kes-kes mengenai kemalangan jalan raya, lihat 12 *Mallal's Digest* (4th Ed, 2005 Reissue) perenggan 1258–1500.

Kes-kes yang dirujuk

Billion Origin Sdn Bhd v Newbridge Networks Sdn Bhd & Anor (Yap Burgess Rawson International Sdn Bhd, third party) [2006] 6 MLJ 768, MT (dirujuk)

Choo Kok Beng v Choo Kok Hoe & Ors [1984] 2 MLJ 165, PC (dirujuk)

Development & Commercial Bank Bhd v Num Tjuan Sdn Bhd [1989] 1 MLJ 475, MA (dirujuk)

Hilder v Associated Portland Cement Manufacturers, Ltd [1961] 3 All ER 709 (dirujuk)

Len Onmibus Co Bhd v North South Transport Sdn Bhd & Anor and Another Appeal [1978] 2 MLJ 246, MP (dirujuk)

Lim Kim Chet & Anor v Multar bin Masngud [1984] 2 MLJ 165, PC (dirujuk)

Manager, Tuborg (Malaysia) Sdn Bhd v PP [1990] 2 MLJ 173, MT (dirujuk)

Manchester Corporation v Markland [1935] All ER 667 (dirujuk)

Multar v Lim Kim Chet & Anor [1982] 1 MLJ 184, MP (dirujuk)

Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor [1995] 3 MLJ 395, MR (dirujuk)

Topaiwah v Salleh [1968] 1 MLJ 284, MP (dirujuk)

Undang-undang yang dirujuk

Akta Undang-Undang Sivil 1956 s 7(3)(iv), (3A)

A

Kuthubul Zaman Bukhari (Zaman & Associates) bagi pihak plaintif.
Ong Chee Yong (Ong & Ong) bagi pihak defendan.
Maizun Ya'acub (Aru & Associates) bagi pihak ketiga.

B **Kamardin Hashim PK:**

PENDAHULUAN

C **[1]** Di hadapan saya terdapat dua kes rayuan sivil yang tertimbul daripada satu kes guaman sivil yang dimulakan di Mahkamah Sesyen Johor Bahru No 53–309 Tahun 2003 (3) berikutan daripada satu kes kemalangan jalanraya. Kemalangan jalanraya tersebut berlaku pada 1 Oktober 1999, jam lebih kurang 1.30 pagi di km 21.5 Lebuhraya Senai (arah ke Air Hitam) Johor yang melibatkan tiga pihak di sini. Pihak-pihak di sini akan dirujuk dalam kapasiti D asal mereka.

LATARBELAKANG FAKTA KES

E **[2]** Tuntutan pada awalnya difailkan oleh plaintif yang merupakan balu yang sah kepada si mati, seorang pemandu teksi yang bernama Gunasekaran a/l Suppiah yang telah meninggal akibat daripada kemalangan jalanraya tersebut. Kemalangan tersebut berpunca daripada kejadian di mana motolori No MAG 7175 yang dipandu oleh pihak ketiga telah terbabas lalu terbalik dan F melanggar tiang lampu di tepi jalan akibat selekoh yang tajam serta keadaan jalan raya yang licin akibat hujan lebat. Si mati dan seorang lagi pemandu teksi berbangsa Melayu telah memberhentikan motor teksi mereka di tepi jalan untuk memberi bantuan kepada pihak ketiga untuk mengeluarkan pihak ketiga yang tersepit dalam motolori yang terbalik. Setelah pihak ketiga berjaya G dikeluarkan, pihak ketiga dan dua orang pemandu motor teksi tersebut telah membantu mengutip barangan kepunyaan pihak ketiga yang bertaburan di atas jalanraya. Pada ketika itu datang sebuah motokar No WEP 5813 yang dipandu oleh defendan pertama dan dimiliki oleh defendan kedua telah melanggar kepada si mati dan pihak ketiga. Akibat rempuhan tersebut, H kedua-dua mereka telah mendapat kecederaan sehingga membawa kematian si mati.

[3] Motolori pihak ketiga pada waktu itu sedang membawa muatan kotak-kotak yang berisi sabun jenama 'Trojan'. Pihak ketiga manafikan bahawa I muatan sabun tersebut telah jatuh bertaburan di atas jalan raya yang membuatkan jalan raya bertambah licin dalam keadaan hujan lebat waktu itu. Bagaimanapun pihak ketiga mengakui bahawa terdapat beberapa barangan lain bertaburan di atas jalan raya. Pihak ketiga juga mengakui bahawa ramai orang awam di sana waktu itu telah mengoyak kain kanvas yang menutup

muatan dalam lorinya dan orang awam telah mencuri kotak-kotak sabun tersebut. Ada kemungkinannya kotak-kotak sabun dan muatan sabun telah tumpah dipermukaan jalan oleh kerana menurut defendan pertama terdapat bahan berwarna putih di atas permukaan jalan dan keadaan jalan yang licin. Pihak ketiga sendiri tidak mengetahui bagaimana serbuk putih boleh bertaburan di tempat bertanda 'K' dalam rajah kasar yang disediakan oleh pihak polis.

[4] Pertikaian juga wujud mengenai kedudukan motolori MAG 7175 selepas terbalik. Pihak ketiga menyatakan bahawa keseluruhan motolorinya berada di atas rumput setelah terbalik manakala defendan pertama menyatakan sebahagian motolori tersebut berada di atas jalan raya menghalang laluan beliau. Selain daripada itu defendan pertama juga menyatakan bahawa terdapat tiang lampu yang rebah jatuh ke atas jalan raya akibat dirempuh oleh motolori pihak ketiga yang terbalik. Tiang lampu itu dan juga kotak-kotak sabun di atas jalan raya dikatakan oleh defendan pertama telah menghalang laluan beliau sehingga beliau terpaksa mengelak lalu terlanggar kepada beberapa orang yang berada di sana.

KEPUTUSAN HAKIM MAHKAMAH SESYEN ('HMS')

[5] Tuan hakim mahkamah sesyen ('HMS') setelah mendengar keterangan saksi-saksi dan hujahan semua pihak telah memutuskan seperti berikut:

(a) Liabiliti dibahagikan samarata antara plaintif dan pihak ketiga iaitu 50:50;

(b) Tuntutan pihak ketiga terhadap pihak ketiga adalah ditolak dengan kos;

(c) Membenarkan ganti rugi khas yang dipersetujui termasuk perbelanjaan pengkebumian sejumlah RM2,624;

(d) Membenarkan ganti rugi bagi kedukacitaan sebanyak RM10,000 seperti diperuntukkan dibawah s 7(3A) Akta Undang-Undang Sivil 1956;

(e) Membenarkan ganti rugi khas bagi kehilangan tanggungan pada kadar RM2,000 sebulan untuk tempoh 70 bulan berjumlah RM140,000 di bawah s 7(3)(iv) Akta Undang-Undang Sivil 1956;

(f) Faedah yang biasa bagi jumlah ganti rugi yang diawardkan;

(g) Kos; dan

(h) Kuantum ganti rugi yang diberikan hendaklah dikurangkan mengikut nisbah liabiliti.

RAYUAN PLAINTIF DAN PIHAK KETIGA

[6] Plaintif dan juga pihak ketiga telah tidak berpuashati terhadap keputusan

yang diberikan oleh HMS atas kedua-dua isu liabiliti dan kuantum. Melalui Rayuan Sivil No MT4–12–7 Tahun 2007, plaintif telah memfailkan notis rayuan terhadap keputusan HMS atas isu liabiliti 50/50 serta kuantum bagi kehilangan tanggungan. Plaintif merayu agar liabiliti atas pihak ketiga diputuskan pada kadar 100% dan kuantum ganti rugi bagi kehilangan tanggungan dikira pada kadar RM3,000 sebulan untuk 72 bulan yang berjumlah RM216,000. Defendan-defendan pula telah melalui Rayuan Sivil No MT1–12–11 Tahun 2007 telah memfailkan notis rayuan terhadap keputusan HMS yang menolak tuntutan defendan-defendan terhadap pihak ketiga dengan kos. Defendan-defendan merayu agar liabiliti dikenakan ke atas pihak ketiga yang telah cuai sehingga mengakibatkan kemalangan berlaku antara motokar pihak ketiga dengan si mati. Defendan-defendan juga merayu terhadap kuantum bagi kehilangan tanggungan dikurangkan.

[7] Kedua-dua rayuan sivil di sini telah digabungkan dan didengar serentak dalam satu perbicaraan atas permohonan dan persetujuan semua pihak yang terlibat. Saya membenarkan kedua-dua rayuan digabungkan oleh kerana kedua-duanya melibatkan isu-isu yang sama tertimbul dalam satu tuntutan yang sama akibat daripada satu kemalangan jalan raya yang sama.

KEPUTUSAN MAHKAMAH

[8] Setelah meneliti rekod rayuan dan hujahan bertulis semua pihak dalam kes ini, saya telah memutuskan seperti berikut:

(a) Membenarkan rayuan plaintif dalam kes MT4–12–7 Tahun 2007 dan rayuan pihak ketiga dalam kes MT1–12–11 Tahun 2007 mengenai isu liabiliti. Keputusan HMS atas isu liabiliti 50/50 terhadap defendan diketepikan dan digantikan dengan keputusan bahawa liabiliti adalah 70% terhadap defendan-defendan dan 30% terhadap pihak ketiga;

(b) Rayuan plaintif dan defendan-defendan atas isu kuantum ditolak;

(c) Kos rayuan separuh dibenarkan kepada plaintif terhadap defendan-defendan dan kos penuh rayuan defendan-defendan terhadap pihak ketiga juga dibenarkan; dan

(d) Kuantum ganti rugi dibahagikan di antara defendan-defendan dengan pihak ketiga mengikut nisbah liabiliti 70/30% seperti yang diputuskan.

RAYUAN OLEH PIHAK KETIGA

[9] Pihak ketiga telah tidak berpuashati terhadap keputusan saya di atas dan sekarang merayu ke Mahkamah Rayuan terhadap keseluruhan keputusan tersebut setakat yang melibatkan pihak ketiga di sini.

[10] Dalam hujahnya, peguamcara defendan-defendan menyatakan bahawa rayuan defendan-defendan hanyalah terhadap isu liabiliti sahaja. Defendan-defendan telah meninggalkan (*abandoned*) rayuan mereka terhadap isu kuantum. Manakala rayuan plaintif adalah terhadap kedua-dua isu liabiliti dan kuantum.

ISU LIABILITI

[11] HMS telah mendapati liabiliti adalah 50% terhadap defendan-defendan dan 50% terhadap si mati manakala tiada sebarang liabiliti diletakkan kepada pihak ketiga, pemandu dan pemilik motolori MAG 7175. Seramai empat orang saksi telah memberikan keterangan terhadap isu liabiliti iaitu pihak ketiga, Subramaniam a/l Sinnasamy ('SP1'), seorang penunggang motosikal di tempat kejadian, En Ong Kai Sing ('SP2'), pegawai penyiasat kes, C/I S Nazari bin Abdul Rahman ('SP5') dan defendan pertama ('SD1'). SP1 dalam keterangan ringkasnya menyatakan bahawa motolori beliau terbabas dan terbalik di tepi jalan di mana beberapa dokumen beliau bertaburan di atas jalan. Dua orang pemandu teksi telah turun memberi bantuan mengeluarkan SP1 yang tersepit dalam motolori. Selepas keluar SP1 pergi mengutip telefon bimbit, *road tax* dan dokumen yang bertabur di atas jalan. Semasa itu si mati menjerit memberitahu ada kereta datang dan dalam masa satu saat kereta itu terus melanggar SP1 dan orang-orang yang berkumpul di situ, termasuk si mati. SP1 menyatakan beliau ada meletakkan tanda tiga segi dalam jarak 200m dari motolori beliau.

[12] Saksi SP2 menyatakan bahawa beliau menunggang motosikal dari arah Johor Bahru untuk balik ke Senai. SP2 melihat sebuah motolori telah terbalik di atas jalan raya. Dia berhentikan motosikalnya lalu memberi bantuan mengutip dokumen-dokumen yang bertaburan di atas jalan. Selepas 4–5 minit SP2 mengatakan sebuah kereta yang datang dari arah Johor Bahru telah melanggar beliau.

[13] SD1 dalam keterangannya menyatakan beliau memandu motokar WEP 5813 dari arah Kangkar Pulai hendak balik ke Kulai. Bila tiba di km 21.5 Lebuhraya Senai-Johor Bahru beliau telah terlibat dalam satu kemalangan jalan raya. SD1 menyatakan tempat kemalangan itu gelap dan hari hujan. Beliau memandu dalam kelajuan 60kmj. Beliau memandu di lorong A–A1 atas rajah kasar. Seterusnya SD1 menyatakan sebaik tiba di tempat kejadian beliau nampak ada benda berada di atas jalan raya di laluan beliau. Beliau terus menekan brek dan mengelak ke kanan tetapi terus terlanggar kepada benda tersebut iaitu kotak-kotak sabun. Akibat perlanggaran itu motokarnya telah berpusing beberapa kali dan apabila motokarnya berhenti, dia dapat melihat beberapa orang telah tercedera di atas jalan raya. SD1 menyatakan beliau tidak

A nampak apa-apa tanda amaran diletakkan sebelum tiba di tempat kejadian dan tidak nampak orang-orang yang tercedera sebelum perlanggaran tersebut.

[14] Pegawai penyiasat iaitu SP6 telah memberi keterangan bahawa dari siasatan yang dibuat, punca kemalangan adalah disebabkan oleh motolori yang B terbalik dahulu. Keterangan Ketua SP6 yang diberi semasa pemeriksan balas adalah seperti berikut:

> Adalah betul apabila saya sampai di tempat kejadian terdapat satu tiang lampu yang telah tercabut dari tempat asalnya. Maksud patah tiang lampu adalah tercabut dari C kedudukan asal dan pada hujungnya patah. Patah pada hujungnya yang mengandungi mentol lampu. Kedudukan asal tiang lampu adalah di tepi jalan susur lebuhraya. *Daripada siasatan saya tiang lampu tercabut dari kedudukan asal akibat dirempuh oleh motolori yang terbalik*. Apabila saya sampai di tempat kejadian bahagian hujung tiang lampu berada di A–A1. Selain daripada tiang lampu yang tercabut terdapat juga pokok-pokok bunga di tepi jalan susur tumbang. Saya tidak D kira berapa pokok-pokok bunga yang tumbang tapi adalah banyak yang tumbang. Adalah benar pokok-pokok bunga yang tumbang ini sebelum sampai ke tiang lampu yang tercabut. Dariapda siasatan saya akibat lori itu terbalik kotak-kotak sabun ada terkeluar daripada lori tetapi tidak berada di atas jalan raya.
>
> E Tanda G adalah kotak-kotak sabun yang terkeluar daripada lori. Saya setuju apabila sampai di tempat kejadian keadaan jalan raya adalah licin dan sukar untuk bergerak. Saya setuju yang menyebabkan kelicinan jalan raya adalah serbuk sabun dicampur dengan air hujan. Saya setuju apabila saya sampai di tempat kejadian pada masa itu ada ramai orang di situ. Saya tidak pasti samada orang di situ yang mengambil kotak F sabun.
>
> Tanda 'K' adalah taburan serbuk putih di atas jalan raya. Adalah betul serbuk putih ini adalah serbuk sabun. Serbuk sabun berada di atas jalan raya, daripada siasatan saya kerana yang pertama akibat perlanggaran dengan motokar defendan di G kawasan 'J' dan dipercayai serbuk sabun dibawa oleh si mati semasa perlanggaran berlaku.
>
> 'J' adalah longgokan serbuk putih iaitu serbuk sabun. Daripada siasatan saya longgokan sabun berada di 'J' kerana kotak sabun diletakkan oleh orang ramai atau H pemandu di situ. Daripada siasatan saya pemandu tidak ada kata yang beliau letakkan kotak sabun di situ.
>
> Tadi saya kata hujung tiang lampu patah. Daripada siasatan saya yang menyebabkan kepatahan adalah akibat perlanggaran motokar WEP 5813. Daripada siasatan saya pemandu motolori kaki dia patah. Daripada siasatan saya kepatahan kaki ini I disebabkan akibat daripada rempuhan tiang lampu yang telah tumbang yang dilanggar oleh motokar. *Daripada siasatan saya punca kemalangan adalah disebabkan oleh motolori yang terbalik dahulu.*

[15] Tuan HMS menolak keterangan pegawai penyiasat atas alasan 'keterangan pegawai penyiasat bahawa punca kemalangan kedua berlaku disebabkan motolori yang terbalik adalah anggapan beliau sahaja dan bukan dari fakta yang sebenarnya dan mahkamah menolaknya'. Sebaliknya HMS memutuskan pemandu motokar iaitu defendan pertama yang cuai setakat 50% dan si mati juga cuai sumbangan setakat 50% kerana berada di atas jalan raya. Tuan HMS dalam alasan penghakimannya menyatakan seperti berikut:

> Defendan semasa disoal balas oleh peguam plaintif dalam kes 53-217-2000 setuju kerosakan motokar beliau adalah teruk. Defendan juga didalam keterangannya menyatakan motokar beliau berpusing banyak kali selepas melanggar benda di atas jalanraya. Jika defendan memandu dengan kelajuan 60 kmj tidak mungkin motokar beliau boleh berpusing banyak kali dan mengalami kerosakan yang teruk. Inferencenya adalah defendan memandu motokar dengan laju. Defendan hilang kawalan kerana memandu dengan laju dan melanggar benda, tiang lampu dan beberapa orang termasuk si mati. Peguam defendan sendiri dalam hujahnya setuju bahawa ada kemungkinan motokar defendan telah kena pada salah seorang yang tercedera semasa motokar defendan berpusing di atas jalan raya. Kenderaan-kenderaan lain yang telah melalui tempat tersebut sebelum defendan tidak merempuh tiang lampu, tidak hilang kawalan, tidak menyebabkan kemalangan. Ini jelas menunjukkan defendan adalah cuai. Di atas imbangan kebarangkalian plaintif telah membuktikan yang defendan adalah cuai.

[16] Seterusnya mengenai kecuaian si mati, Tuan HMS menyatakan seperti berikut:

> Walau bagaimanapun plaintif juga ada sumbang cuai. Si mati berada di atas jalan raya menolong SP 1 mengutip dokumen semasa dilanggar oleh motokar yang dipandu oleh defendan. Saya berpendapat si mati yang gagal mengambil langkah-langkah yang munasabah untuk lindungi dirinya sendiri daripada bahaya tidak boleh bebas daripada dipersalahkan. Dalam keadaan sedemikian mahkamah membahagikan liabilti antara plaintif dan defendan samarata 50:50.

[17] Dalam kes *Multar v Lim Kim Chet & Anor* [1982] 1 MLJ 184, Mahkamah Persekutuan menyatakan:

> We are loath to disturb the findings of facts by the trial court. But in the circumstances of this case, we find that we have to interfere as we are satisfied that crucial evidence has been misconstrued resulting in the uncertainty of the first respondent's evidence as to how he came in contact with the motorcycle being put in a favourable light and the consistency of the appellant's evidence being disregarded. On the evidence before the court, we are satisfied that the first Respondent was wholly to blame for the accident.

[18] Pada peringkat Privy Council, (*Lim Kim Chet & Anor v Multar bin Masngud* [1984] 2 MLJ 165) Judicial Committee of the Privy Council menyatakan:

> The first and second appellants now appeal to this Board. In Their Lordships' opinion the reasons for his judgment given by the learned trial judge were unsatisfactory and in some respects contradictory of each other. It seems to Their Lordships that this is very clearly a case where, consistently with the principles laid down by Lord Thankerton in *Thomas v Thomas(1)*, the Federal Court were entitled to review the findings of fact of the trial judge and to reach their own conclusion upon the evidence.

[19] Dalam kes *Choo Kok Beng v Choo Kok Hoe & Ors* [1984] 2 MLJ 165, Lord Roskill menyatakan:

> Their Lordships are well aware, as no doubt were the Court of Appeal, of the limited circumstances in which it is open to an appellate court to reverse the findings of a trial judge based on credibility of the witnesses who have given evidence at the trial. But when a trial judge has so manifestly failed to derive proper benefit from the undoubted advantage of seeing and hearing witnesses at the trial and, in reaching his conclusion, has not properly analysed the entirety of the evidence which was given before him, it is the plain duty of an appellate court to intervene and correct the error lest otherwise that error result in serious injustice.

[20] Dalam kes *Sivalingam a/l Periasamy v Periasamy & Anor* [1995] 3 MLJ 395, Yang Arif Gopal Sri Ram HMR berkata di ms 398–399:

> It is trite law that this court will not readily interfere with the findings of fact arrived at by the court of first instance to which the law entrusts the primary task of evaluation of the evidence. But we are under a duty to intervene in a case where, as here, the trial court has so fundamentally misdirected itself, that one may safely say that no reasonable court which had properly directed itself and asked the correct questions would have arrived at the same conclusion.

[21] Dalam kes *Development & Commercial Bank Bhd v Num Tjuan Sdn Bhd* [1989] 1 MLJ 475, Yang Arif Lee Hun Hoe CJ (Borneo) membuat pemerhatian seperti berikut:

> … It is of course a duty of an appellate court to be a judge of fact as well as of law. At the same time it would be abrogating its function if it made a hard and fast rule never to interfere with the findings of fact and felt bound to support a judgment which, on review of all the evidence, it considered to be clearly wrong. The learned judge had given his reasons for disagreeing with the SAR (see *Lee Soh Hua v Kow Lup Piow & Ors* [1984] 2 MLJ 101 at pp 104–105)

[22] Dalam kes *Manager, Tuborg (Malaysia) Sdn Bhd v Public Prosecutor* [1990] 2 MLJ 173, di ms 178, Yang Arif Wan Yahya H berkata:

> It has often been said that the appellate court should be slow in interfering with the findings of fact by a lower court, but where such findings are based on wrongful or unjust inferences drawn by the trial judge, then the appellate court would be abrogating its functions if it refuses to review the findings of the lower court.
>
> (See *Benmax v Austin Motor Co Ltd* [1955] AC 370 which was followed in *China Airlines Lt v Maltran Air Corp Sdn Bhd (formerly known as Maltran Air Services Corp Sdn Bhd) and Another Appeal* [1996] 2 MLJ 517 and applied in *Mohd Samsudin Ismail v Tan Yeow Hwa & Anor* [2000] 7 MLJ 24)

[23] Peguamcara pihak ketiga berhujah bahawa Tuan HMS telah melakukan beberapa kesilapan dalam keputusannya atas isu liabiliti iaitu:

(a) Tuan HMS telah membuat kesimpulan yang salah dengan menolak keterangan pegawai penyiasat yang mengatakan bahawa punca kemalangan adalah disebabkan oleh motolori treler;

(b) Tuan HMS telah membuat kesimpulan yang salah dengan memutuskan bahawa pemandu motolori tidak beranggungjawab dalam kemalangan kedua iaitu yang melibatkan motokar apabila padahalnya keterangan menunjukkan bahawa kemalangan kedua berkait dengan dan timbul daripada kecuaian pemandu motolori;

(c) Tuan HMS telah gagal mengambilkira bahawa dengan tindakan pemandu motolori menyebabkan tiang lampu tumbang dan menghalang laluan kenderaan-kenderaan lain di atas jalan raya, pemandu motolori telah menghasilkan satu situasi yang merbahaya bagi pengguna-pengguna jalan raya dan oleh itu mesti menanggung tanggungjawab dalam kemalangan yang kedua;

(d) Tuan HMS telah membuat kesimpulan yang salah dengan menganggap bahawa pemandu motokar mestilah cuai kerana kenderaan lain yang melalui tempat kejadian sebelum pemandu motokar tidak terlibat dalam kemalangan; dan

(e) Tuan HMS telah membuat inferens yang salah dengan memutuskan bahawa pemandu motokar memandu laju pada masa kejadian atas dasar motokar telah berpusing banyak kali di atas jalan raya selepas melanggar sesuatu benda di atas jalan raya.

[24] Pegawai penyiasat adalah saksi bebas dan tidak timbul isu tentang kebolehpercayaan beliau. SP5 telah memberi keterangan dengan jujur dan terus terang di hadapan mahkamah sesyen berdasarkan rekod rayuan yang diteliti oleh mahkamah ini. Fakta-fakta penting dalam keterangan SP5 adalah:

(a) Kawasan kemalangan adalah gelap;

(b) Tiada halangan kepada penglihatan tetapi penglihatan terhad sebab gelap;

(c) Ada hujan renyai-renyai pada masa beliau sampai di tempat kejadian;

(d) Tidak ada apa-apa tanda segi tiga dan kun di atas jalan raya (selain daripada kun yang diletak oleh PLUS selepas kemalangan berlaku) mahupun sebelum sampai ke tempat kejadian atau di tempat kejadian;

(e) Bila beliau sampai di tempat kejadian, keadaan jalan raya adalah licin dan sukar untuk berjalan;

(f) Yang mengakibatkan kelicinan jalan raya ialah serbuk sabun campur dengan air hujan;

(g) Taburan serbuk putih di atas jalan raya ialah serbuk sabun;

(h) Serbuk sabun bertaburan di atas jalan raya akibat perlanggaran motokar dengan kotak-kotak sabun yang diletak di tempat J;

(i) Taburan serbuk sabun hanya ada selepas perlanggaran yang kedua oleh motokar No WEP 5813;

(j) Bila beliau sampai di tempat kejadian, tiang lampu telah tercabut dari tempat asalnya;

(k) Hujung tiang lampu iaitu bahagian yang memegang lampu, ada patah;

(l) Tiang lampu telah tertanggal dari kedudukan asalnya akibat rempuhan daripada motolori yang terbalik;

(m) Bila SP5 sampai di tempat kejadian, bahagian hujung tiang lampu ada keluar ke lorong kiri A–A1;

(n) Selain daripada tiang lampu tumbang, banyak pokok-pokok bunga di tepi jalan susur juga tumbang sebelum sampai ke tiang lampu yang tumbang itu; dan

(o) Punca kemalangan ialah motolori yang terbalik dahulu.

[25] Tuan HMS seterusnya menyatakan bahawa SP5 sendiri mengakui semasa disoalbalas oleh peguam pihak ketiga yang beliau tidak tahu bagaimana kemalangan itu berlaku oleh kerana beliau tidak berada di tempat kejadian. Tuan HMS sebenarnya telah gagal menimbangkan keterangan SP5 secara menyeluruh terutama terhadap keterangan SP5 yang menyatakan seperti berikut:

> 'Saya tidak setuju saya sebenarnya tidak tahu bagaimana kemalangan ini berlaku'
>
> Saya tidak setuju siasatan saya dalam kes ini adalah tidak lengkap. Saya tidak setuju punca kemalangan kedua bukan disebabkan oleh lori yang terbalik. Saya setuju orang awam yang berada di situ tidak tahu bagaimana kemalangan berlaku. Saya setuju saya tidak menyoal orang awam yang berada di situ berhubung dengan kemalangan ini.

[26] Keterangan SP5 jelas menunjukkan bahawa kemalangan yang melibatkan defendan pertama dengan si mati berpunca daripada kecuaian pemandu motolori MAG 7175 iaitu pihak ketiga dalam kes ini. Oleh itu, Tuan HMS telah terkhilaf apabila sama sekali menolak keterangan pegawai penyiasat kes di dalam kes ini yang menyatakan kecuaian dipihak pihak ketiga. Tuan HMS juga telah terkhilaf apabila memutuskan tiada kecuaian langsung pada pihak ketiga. Terdapat keterangan jelas bahawa motolori pihak ketiga telah terbalik dan merebahkan tiang lampu di mana hujung tiang lampu itu telah menghalang laluan kenderaan yang berada di lorong A–A1. Keterangan SP5 dan rajah kasar ('P1') menunjukkan bahawa tiang lampu telah patah dan melintang di atas lorong kiri jalan. Tuan HMS sendiri mengakui dalam penghakimannya bahawa penghujung tiang lampu yang berada di A–A1. Kesimpulan yang boleh diambil daripada keterangan di atas adalah bahawa tiang lampu tumbang akibat dirempuh oleh motolori pihak ketiga sehingga menghalang laluan sah motokar defendan pertama ditambah dengan kehadiran kotak-kotak sabun yang tumpah dari motolori serta keadaan jalan yang licin ekoran terdapat sabun di atas permukaan jalan. Faktor-faktor ini sudah cukup untuk menyumbang kepada punca kemalangan tersebut dan mengenakan liabiliti kepada pihak ketiga.

[27] Dalam kes *Len Onmibus Co Bhd v North South Transport Sdn Bhd & Anor and Another Appeal* [1978] 2 MLJ 246, sebuah pokok getah telah jatuh ke atas jalan raya akibat hujan lebat tiga hari dan menghalang laluan sebuah lori. Lori telah mengelak pokok yang tumbang itu lalu mencerobohi ke bahagian kanan jalan dan melanggar sebuah motorbus yang datang dari arah bertentangan. Soalan telah timbul samada pemilik estet getah boleh dipersalahkan dalam kemalangan yang berlaku. Mahkamah Persekutuan memutuskan:

> The issue seems to me to be a broader and more general one, viz. in the case of an apparently healthy rubber tree, ought its owner to have it lopped or topped because either wind or weather condition might cause it to be uprooted? Unless one is to take the view that every rubber tree growing beside a main highway should be lopped and topped and that its owner is guilty of negligence unless he so treats it, *I see no reasons for imputing a want of care on the part of its owner.*
>
> *… the tree fell because of weather and wind conditions causing it to be unbalanced and fall, and not because of want of care on their part to see that the tree was dangerous….*

[28] Tiada liabiliti dikenakan terhadap tuanpunya ladang dalam kes *Len Onmibus Co Ltd* tersebut oleh kerana tiada sebab untuk mendapati pemilik ladang itu cuai. Berlainan didalam kes di hadapan mahkamah sekarang di mana keterangan jelas menunjukkan kemalangan berpunca daripada motolori yang terbalik dan halangan yang wujud akibat daripada tiang lampu yang

tumbang serta kotak-kotak sabun dan sabun yang berada di atas laluan sah defendan pertama. Pihak ketiga sendiri telah mengakui dalam keterangan:

> Arah perjalanan saya pada masa itu selekoh tajam. Oleh kerana hujan lebat saya brek tiba-tiba lori saya terbabas di jalan tersebut. Lori saya terbabas di tanda 'C' pada rajah kasar. Lori saya tidak masuk ke jalan A ke A1. Lori saya terbabas dan terbalik di 'C' ….

[29] Walaupun kemalangan kedua menurut SP5 berlaku selang tujuh minit selepas motolori pihak ketiga terbalik, tetapi kemalangan kedua tersebut berkait rapat dengan kemalangan pertama yang melibatkan motolori yang terbalik dan mengwujudkan halangan di atas jalan raya akibat tiang lampu yang tumbang dan muatan di atas jalan raya.

[30] Dalam kes *Billion Origin Sdn Bhd v Newbridge Networks Sdn Bhd & Anor (Yap Burgess Rawson International Sdn Bhd, third party)* [2006] 6 MLJ 768, defendan pertama dan plaintif masing-masing adalah penyewa premis dalam satu bangunan. Defendan kedua ialah pemilik bangunan yang disewa. Defendan pertama telah cuai dalam membiarkan kipas berjalan tanpa kawal selama hampir enam hari berturut-turut. Akibat kecuaian defendan pertama terdapat api. Akibat api, ada haba. Haba pula mengaktifkan sistem pemercik. Air dari sistem pemercik mengalir dan memusnahkan barangan plaintif dalam premis yang disewa plaintif. Satu isu yang timbul ialah sama ada defendan pertama adalah bertanggungjawab kepada plaintif. Yang Arif Hakim James Foong H (sekarang HMP) memutuskan:

> [31] *But in this case, I could not detect any break in the chain of causation nor could I find that the act of the first defendant to be so remote that the original wrong of the first defendant was merely a part of history and the second defendant's as well as the third party's acts were wholly independent of that of the first defendant.* I feel that the first defendant could have foreseen the intervening conducts of the second defendant's or third party. Leaving the fan on unattended for almost six days would certainly run the risk of catching fire. And when fire is ignited there would be heat. The heat would in turn bust the sprinkler bulb to activate the sprinkler. Once activated, water would be discharged from the sprinkler. Such water would be expected to flow-downwards, particularly to premises directly below and such element has a tendency to destroy and damage goods kept in such place. The first defendant may argue that sufficient amount of water would be enough to put out a small fire in the server room rather than the excessive quantity in this case. But then, who would have known what quantity of water was required to dose off the fire at the server room when there was no one there at the material time to witness the intensity of the fire. As to the acts of Suaranjan and Muru, these too could have been foreseen in the light of the degree of intelligence and mental attitude expected from this category of workers. They are not so remote in our current social conditions. For these reasons. I find that the defence of *novus actus interveniens* does not apply in the circumstances of this case.

[31] Dalam kes *Manchester Corporation v Markland* [1935] All ER 667, satu paip di jalan raya telah bocor dan menyebabkan air bertakung di jalan raya. Pada hari yang ketiga, air telah beku. Sebuah motokar yang dipandu di atas jalan raya telah terbabas di atas ais di jalan raya dan terlanggar seorang. Mahkamah memutuskan bahawa pemandu motokar tidak cuai. Sebaliknya pihak yang cuai ialah pihak yang tugasnya memperbaiki paip yang bocor. *Headnotes* dalam kes tersebut adalah seperti berikut:

> On 9 February 1933, a burst occurred in a water undertakers' service pipe and water escaped and formed a pool in the road beneath which the pipe ran. The pool was frozen by a severe frost at about 8pm on 11 February 1933. Later that night, and before the burst came to the knowledge of the undertakers, the frozen pool caused a car to skid, without any negligence by the driver, and to knock down and kill the plaintiff's husband. Apart from periodic routine inspections involving a visit to any given spot about once in nine days, the undertakers did nothing to secure prompt notification of burst in the area, but relied on the officials of the local highway authorities, in their own interests, to inform them of any leakages. On appeal against judgment for the plaintiff in a claim under the Fatal Accidents Act 1846, the undertakers contended (i) that this reliance on the local authorities discharged the undertakers' duty to take all reasonable precautions to secure that leaks in their system should be brought to their knowledge and repaired with promptitude, and (ii) that the plaintiff was not entitled to succeed because she had failed to show what steps the undertakers should have taken to discharge this duty.
>
> Held: the appeal should be dismissed because (i) the steps taken were unreliable and unco-ordinated methods of receiving information, which without any precautions being taken by the undertakers on their own part, did not discharge the duty above referred to; (ii) the plaintiff proved negligence by showing that, apart from the routine inspections, the matter was left to change, and that, in this particular instance, no notice of the burst was given to the undertakers until at least three days after it happened.

[32] Dalam kes *Hilder v Associated Portland Cement Manufacturers, Ltd* [1961] 3 All ER 709, defendan membenarkan padang mereka digunakan oleh budak-budak. Semasa budak-budak bermain bola sepak, bola telah terkeluar dari padang dan masuk ke jalan raya mengakibatkan seorang penunggang motosikal terjatuh dari motosikalnya dan mengalami kecederaan. Mahkamah memutuskan bahawa pemilik padang adalah cuai. *Headnotes* dalam kes adalah seperti berikut:

> The defendants were the owners and occupiers of factory premises which included a piece of open grassland called the Green, one side of which adjoined a busy highway and another side of which adjoined a narrow lane. Children up to ten or eleven years of age had permission to play on the Green and to the knowledge of the defendants regularly played with a football. Two boys in particular practiced kicking at goal using a poplar tree bordering the lane as one goal post and a stick stuck in the ground as the other and kicking in the direction of the highway. The only barrier

between the goal and the highway was a wall three feet two inches high on the green side and four feet high on the pavement side. From time to time the ball went over the wall and had to be retrieved from the highway. On Feb. 23, 1959, while the two boys were so playing the ball went over the wall causing a passing motorcyclist to fall and sustain a fractured skull from which he died. The motorcyclist was not wearing a crash helmet; at the date of the accident the Highway Code contained no advice the motorcyclists should always wear crash helmets. In an action by his widow for damages.

Held: (i) a reasonable man, being the occupier of the Green, would have come to the conclusion that, as a result of the children's playing with a football, there was a risk of damage to persons using the road and that the risk was not so small that he could safely disregard it and refrain from taking steps to prevent possible injury (see p 712, letter C, post); therefore, as the defendants had taken no such steps, they were liable for negligence.

Dicta of Lord Reid in *Bolton v Stone* ([1951] 1 All ER 1078 at p 1086) and Lord Somervell of Harrow in *Cavanagh v Ulster Weaving Co Ltd* [1959] 2 All ER at pp 751–752)

(ii) failure to wear a crash helmet was not, at the time of the accident, contributory negligence (see p 710, letter G, post).

[33] Tuan HMS berpandangan bahawa defendan pertama cuai oleh kerana kenderaan lain yang melalui kawasan kemalangan itu tidak terlibat dalam apa-apa kemalangan. Pada pandangan saya Tuan HMS telah membuat satu kesimpulan yang salah oleh kerana kesimpulan beliau hanya satu spekulasi semata-mata dan tidak didasarkan kepada satu keterangan yang kukuh. Tiada keterangan mengenai berapa jumlah kenderaan lalu di situ, jenis kenderaan tersebut dan bila kenderaan itu berlepas lalu. SD1 menyatakan tiada kenderaan lain di hadapan beliau masa itu. Pegawai penyiasat juga menyatakan kebiasaannya jalan itu tidak sebok pada jam 1.30 pagi. Alasan Tuan HMS mengenakan kecuaian keatas defendan pertama hanya atas alasan orang lain boleh mengelakkan kemalangan adalah tidak wajar oleh kerana tiada anggapan bahawa 'orang lain boleh mengelakkan kemalangan kenapa kamu gagal mengelakkannya'.

[34] Tuan HMS juga gagal mengambilkira keterangan SD1 bahawa SD1 tidak ada melihat apa-apa tanda amaran diletakkan oleh pihak ketiga sebelum sampai ke tempat motolori yang terbalik. Keterangan defendan pertama ini disahkan melalui keterangan pegawai penyiasat yang menyatakan seperti berikut:

Apabila saya sampai di tempat kejadian, saya tidak nampak apa-apa segi tiga di atas jalan.

Kon ini diletakkan oleh anggota Plus Ronda selepas kemalangan yang kedua. Saya tidak ada nampak kon-kon yang lain di kawasan itu sebelum daripada kon-kon yang diletakkan oleh anggota Plus Ronda.

[35] Jelas bahawa pihak ketiga telah gagal untuk mengambil langkah-langkah yang sewajarnya selepas motolorinya terbalik seperti meletakkan segi tiga dan kon tanda amaran kepada kenderaan yang menghampiri tempat kemalangan itu. Keterangan pihak ketiga dia ada meletakkan segi tiga dalam jarak 200m di belakang tempat kemalangan tidak boleh dipercayai serta bercanggah dengan keterangan awalnya yang menyatakan akibat motolorinya terbalik kaki beliau telah tersepit sehingga dua orang pemandu teksi datang memberi pertolongan kepada beliau dan selepas keluar daripada motolori pihak ketiga dan dua pemandu teksi termasuk si mati terus mengutip barang kepunyaan pihak ketiga yang bertaburan di atas jalan raya. Bila pula masanya pihak ketiga meletakkan segi tiga dalam jarak 200m daripada motolorinya. Saksi SD2 yang membantu beliau tidak ada menyatakan perkara tersebut.

[36] Tuan HMS memutuskan bahawa motokar defendan pertama telah dipandu dengan laju walaupun SD1 menyatakan beliau hanya memandu dalam kelajuan 60 kmj disebabkan jalan basah dan kawasan itu gelap. Tuan HMS menyatakan seperti berikut:

Defendan semasa disoal balas oleh peguam plaintif dalam kes 53–217 Tahun 2000 setuju kerosakkan motokar beliau adalah teruk. Defendan juga di dalam keterangannya menyatakan motokar beliau berpusing banyak kali selepas melanggar benda di atas jalan raya. Jika defendan memandu dengan kelajuan 60 kmj tidak mungkin motokar beliau boleh berpusing banyak kali dan mengalami kerosakan yang teruk. Inferensnya adalah defendan memandu motokar dengan laju. Defendan hilang kawalan kerana memandu dengan laju dan melanggar benda, tiang lampu dan beberapa orang termasuk si mati.

[37] Tuan HMS gagal mengambilkira faktor bahawa jalan licin kerana hujan dan ditambah kehadiran kotak-kotak sabun di atas jalan. Tidak hairanlah sekiranya motokar defendan pertama berpusing beberapa kali apabila beliau menekan brek sebaik sahaja melihat benda di hadapan dan pada masa yang sama memutar stering kesebelah kanan dalam usaha untuk mengelak daripada benda tersebut.

[38] Atas alasan-alasan di atas saya mendapati cukup keterangan untuk mendapati pemandu motolori MAG 7175 iaitu pihak ketiga dalam kes ini sumbang cuai terhadap kemalangan yang berlaku di antara motokar defendan pertama dengan orang awam terutama si mati yang berada di situ.

[39] Tuan HMS telah memutuskan si mati cuai setakat 50% kerana berada di atas jalan raya berpandukan fakta bahawa mayat si mati berada di atas jalan raya. Tuan HMS gagal menimbangkan keterangan SD1 dan SP1 yang mengatakan dengan jelas bahawa pada waktu perlanggaran itu berlaku si mati berada bersama dengan SP1 di tepi jalan dan bukanlah di tengah jalan arah laluan motokar yang dipandu oleh defendan pertama. Tuan HMS juga gagal menimbangkan fakta motokar defendan pertama telah berpusing-pusing beberapa kali setelah mengelak ke kanan jalan sehingga terbabas dan melanggar si mati di tepi jalan. Kedudukan mayat si mati dalam rajah kasar berada di atas lorong susur keluar di tepi kiri jalan dan tidak berada di atas jalan utama lebuhraya tersebut. Si mati adalah seorang 'bystander' di sana. Oleh itu tiada kecuaian boleh dikenakan terhadap si mati dalam kes ini. Liabiliti hendaklah dibahagikan di antara defendan pertama dengan pihak ketiga di mana sebahagian besar punca kemalangan tersebut terletak di atas bahu defendan pertama. Oleh itu saya memutuskan liabiliti dalam kes ini dibahagikan 70% atas defendan-defendan dan 30% sumbang cuai oleh pihak ketiga.

KUANTUM

[40] Saya menolak rayuan plaintif dan rayuan defendan atas isu kuantum. Pada pandangan saya keputusan Tuan HMS atas isu kuantum adalah patut dan wajar setelah mengambilkira keterangan yang dikemukakan oleh plaintif dan rakan sekerja si mati yang juga seorang pemandu teksi. Oleh itu, keputusan Tuan HMS atas isu kuantum wajar dikekalkan.

[41] Pihak ketiga tidak ada membuat sebarang rayuan sama ada atas isu liabiliti mahupun isu kuantum yang diputuskan oleh Tuan HMS. Rayuan pihak ketiga terhadap isu kuantum hanya setelah mahkamah ini memutuskan beliau bertanggungan setakat 30% terhadap kemalangan ini.

[42] Tuan HMS dalam alasan penghakimannya telah menyatakan seperti berikut:

> Plaintif di dalam keterangannya menyatakan si mati bekerja sebagai pemandu teksi dengan pendapatan RM200 hingga RM300 sehari. Si mati bekerja 7 hari seminggu. Si mati beri beliau RM150 tiap-tiap hari dan sebulan RM4,500. Saksi plaintif Ravi a/l Kannan dalam keterangannya menyatakan beliau tidak kenal si mati. Beliau datang ke mahkamah untuk beri keterangan mengenai pendapatannya sebagai pemandu teksi. Pendapatan beliau adalah RM200 hingga RM300 sehari dan pendapatan bersih setelah ditolak minyak, makan adalah RM150 sehari. Si mati mempunyai tanggunggan iaitu isteri dan lima orang anak di mana dua daripadanya masih bersekolah. Si mati perlu bekerja untuk menanggung isteri dan anak-anaknya. Peguam defendan tidak mencabar pekerjaan si mati sebagai pemandu teksi. Walaupun tidak ada bukti dokumentari untuk menunjukkan pendapatan dan pekerjaan si mati, saya terima keterangan plaintif bahawa si mati bekerja sebagai pemandu teksi. Mahkamah mengambilkira pendapatan adalah

RM200 sehari atau RM6,000 sebulan. Setelah ditolak duit minyak, makan, perbelanjaan persendirian dan RM50 untuk simpanan si mati yang berjumlah RM3,000 dan setelah ditolak sewa teksi RM1,000 sebulan adalah munasabah si mati beri sumbangan RM2,000 sebulan kepada plaintif. Maka multiplicand adalah RM2,000 sebulan. Pada masa kemalangan si mati berusia 43 tahun 4 bulan. Maka multiplier adalah 70 bulan. Mahkamah mengawadkan kehilangan tanggungan plaintif berjumlah RM140,000 (RM2,000 x 70 bulan).

[43] Pada pandangan saya Tuan HMS telah mengambilkira semua faktor-faktor yang relevan dengan terperinci dan tidak ada apa-apa kesilapan dalam keputusan beliau mengenai isu kehilangan tanggungan. Keputusan Tuan HMS adalah betul dan tidak wajar diganggu.

[44] Dalam kes *Topaiwah v Salleh* [1968] 1 MLJ 284, Mahkamah Persekutuan menerangkan prinsip yang terpakai bila menaksirkan ganti rugi. Mahkamah menyatakan:

The difficulty of laying down the principles on which damages are awarded has frequently been recognised. However, as Lindley LJ in *Rodocanachi v Mibburn Brothers (2)* stated:

It must be remembered that the rules as to damages can in a nature of things only be approximately just, and that they have to be worked out, but by mathematicians, but by juries.

Or another way of putting it — that it is a matter of assessment but not calculation. So far as this court is concerned we should, to paraphrase Greer LJ in *Flint v Levell (3)* be disinclined to reverse the finding of a trial judge as to the amount of damages merely because we think that if we had tried the case in the first instance we would have given a lesser sum. To justify reversing him, we should be convinced that he acted upon some wrong principle of law, or that the amount awarded was so extremely high or so very small as to make it an entirely erroneous estimate of the damage.

[45] Atas alasan-alasan yang disebutkan di atas, saya membenarkan rayuan plaintif dan defendan-defendan atas isu liabiliti dan membenarkan separuh kos kepada plaintif dan kos penuh kepada defendan-defendan terhadap pihak ketiga. Rayuan plaintif dan defendan-defendan terhadap isu kuantum ditolak. Kuantum ganti rugi dibahagikan dan dibayar oleh defendan-defendan dan pihak ketiga kepada plaintif mengikut nisbah liabiliti.

Rayuan plaintif dan defendan-defendan atas isu liabiliti dibenarkan.

Dilaporkan oleh Kanesh Sundrum